



Darar Emosi Terhadap Isteri dalam Perkahwinan Menurut Undang-Undang di Malaysia

Darar Emosi Terhadap Isteri

Emotional Darar Towards Wife in Marriage from Malaysian Law Perspective

99

ZANARIAH DIMON
Jabatan Undang-undang
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bangi Selangor
zanariah@kuis.edu.my

Submitted: 7 February 2019
Revised: 8 April 2019
Accepted: 24 April 2019
E-Published: 26 April 2019

ABSTRAK

Perkahwinan adalah suatu ibadah yang menjadi tuntutan fitrah manusia. Melalui perkahwinan, setiap pasangan suami isteri dapat berkasih sayang dan mengatur kehidupan yang lebih baik, sempurna serta saling bertanggung jawab. Walau bagaimanapun, tidak semua perkahwinan memberi kebahagiaan dan ketenangan kepada suami isteri tersebut. Ada isteri yang berhadapan dengan tekanan fizikal dan emosi sepanjang perkahwinan. Tekanan emosi atau mental adalah salah satu *darar* atau mudarat yang bertentangan dengan tujuan maqasid syariah iaitu pemeliharaan akal. *Darar* emosi boleh berlaku kepada isteri melalui penganiayaan secara fizikal dan mental oleh suaminya atau orang ketiga di dalam rumah tangga. Justeru itu, artikel ini akan membincangkan mengenai *darar* dari aspek emosi yang dihadapi oleh isteri dalam perkahwinan. Penulis juga mengemukakan cadangan penyelesaian bagi *darar* tersebut menurut undang-undang di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dengan membuat analisa terhadap peruntukan undang-undang dan kes-kes berkaitan. Artikel ini merumuskan bahawa undang-undang sivil mahupun undang-undang keluarga Islam di Malaysia memperuntukkan perlindungan dan penyelesaian dalam menangani *darar* emosi yang dihadapi oleh isteri. Walau bagaimanapun, prosesnya bukan mudah dan memerlukan kepada beban pembuktian yang kuat untuk menunjukkan kewujudan *darar* dari segi emosi ini. Ini kerana *darar* dalam bentuk emosi tidak seperti *darar* dalam bentuk fizikal yang dapat dibuktikan secara nyata seperti melalui kesan fizikal atau laporan perubatan. Namun, isteri yang berhadapan dengan masalah sedemikian tetap mempunyai hak untuk membuat tindakan dari segi undang-undang bagi mengelakkan mudarat yang berterusan dalam kehidupan mereka. Oleh itu, beberapa cadangan penyelesaian menurut undang-undang di Malaysia juga dikemukakan bagi membantu isteri yang berhadapan dengan *darar* emosi ini.

Kata kunci: *Darar*, Emosi, Mental, Penderaan, Undang-Undang





ABSTRACT

Marriage is a worship act and also a demand of a human nature. Through marriage, each spouse can love each other, become more responsible and to have a better and perfect life. However, not all marriages bring peace and happiness to the husband and wife. There are also the wives who are dealing with the physical and emotional stress during the marriage. Emotional or mental stress is one of the *darar* or harm that contravenes the purpose of *maqasid syariah*; to preserve the sanity. Emotional *darar* can be happen to the wife through physical and mental abuse by the husband or third person. Hence, this article will explain the emotional *darar* that faced by the wife in the marriage. This article also discusses the proposed legal settlements in Malaysia in assisting the wife that involved in the above cases. The study uses a document analysis method by analyzing the legal provisions and the related law cases. This article summarizes that the laws in Malaysia; both civil and Islamic family law provide some protections to the wife that faces the emotional harm. However, the process to get a justice is not easy. It requires a strong burden of proof to show the existence of emotional *darar* (harm). This is because the emotional *darar* is not like a physical one which can be substantially evident through physical effects or medical reports. However, the wives still have a right to make a legal action in order to avoid the constant harm in their lives.

Keywords: Abuse, *Darar*, Emotional, Legal, Mental

PENGENALAN

Pembentukan institusi keluarga bermula dengan perkahwinan. Islam mensyariatkan perkahwinan sebagai suatu ibadah yang menjadi tuntutan fitrah manusia. Melalui perkahwinan, setiap pasangan suami isteri dapat mengatur kehidupan yang baik, sempurna dan saling bertanggung jawab. Walau bagaimanapun, tidak semua perkahwinan berakhir sehingga ke akhir hayat dengan kebahagiaan. Ada perkahwinan yang menghadapi krisis atau konflik sehingga memberi kesan kepada fizikal dan emosi suami atau isteri. Penderaan secara fizikal mahupun tekanan emosi sering berlaku dalam perkahwinan. Tekanan emosi adalah satu mudarat yang bertentangan dengan tujuan syariah iaitu pemeliharaan akal.

Darar secara emosi boleh berlaku kepada isteri melalui penganiayaan oleh suaminya secara berterusan sama ada dalam bentuk perbuatan, perkataan, tidak melayan isteri dengan cara yang sewajarnya atau kewujudan orang ketiga di dalam rumah tangga. Keadaan ini mendorong berlakunya kecelaruan mental dan emosi tanpa disedari sehingga membahayakan diri sendiri dan orang lain jika tidak diselesaikan. Kes-kes yang dirujuk di Mahkamah Syariah terutamanya dalam pembubaran secara fasakh adalah disebabkan penderaan secara fizikal kerana ia lebih mudah dibuktikan melalui kesan fizikal, laporan perubatan ataupun laporan polis. Berbanding penderaan dalam bentuk emosi yang sukar dibuktikan kerana ia melibatkan kesan dalaman terhadap isteri yang tidak nampak secara zahir. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan mengenai konsep *darar* dari segi emosi yang dihadapi oleh isteri menurut undang-



undang dan kesannya terhadap perkahwinan berdasarkan sorotan penulis melalui sumber dokumentasi. Selain itu, artikel ini juga mengemukakan cadangan penyelesaian *darar* emosi menurut undang-undang di Malaysia.

KONFLIK DALAM PERKAHWINAN DAN KESANNYA TERHADAP INSTITUSI KELUARGA

Perkahwinan merupakan ikatan antara lelaki dan wanita melalui akad nikah dan ijab kabul untuk hidup bahagia bersama dalam sesebuah rumah tangga. Perkahwinan diharuskan oleh Syarak bukanlah semata-mata untuk kenikmatan hubungan seksual, bahkan terdapat banyak fungsi lain melibatkan peranan dan tanggung jawab suami isteri bagi memastikan keharmonian rumah tangga berterusan sepanjang hayat. Walau bagaimanapun, hubungan suami isteri dalam mengharungi dalam rumah tangga tidak selalunya indah. Realitinya, pasangan suami isteri tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai krisis dan perselisihan faham sepanjang mengendalikan rumah tangga.

Konflik atau permasalahan rumah tangga merupakan satu isu yang sudah lama wujud dan diperkatakan dalam masyarakat. Konflik dalam perkahwinan adalah suatu perkara yang sering melanda dalam kehidupan berumah tangga. Menurut Haliza A. Shukor (2012), konflik perkahwinan adalah keadaan tidak tenteram atau tidak stabil yang berlaku di dalam sesebuah rumah tangga akibat daripada faktor-faktor tertentu yang boleh mengakibatkan masalah penderaan, keganasan dan akhirnya berlaku perceraian. Manakala menurut A. Hariri dan Raihanah Azahari (2014), kebanyakan perceraian berlaku kerana konflik dalam perkahwinan, pengabaian tanggung jawab, penderaan dan penganiayaan. Perceraian selalunya digunakan untuk menyelesaikan kemelut dalam rumah tangga. Namun begitu, perceraian adalah amat tidak digalakkan dan merupakan langkah terakhir penyelesaian kepada konflik perkahwinan sekiranya semua langkah penyelesaian yang lain gagal.

Sesungguhnya, Islam telah menggariskan hak-hak dan tanggung jawab yang perlu ditunaikan oleh pasangan suami isteri selepas menjalani kehidupan berkeluarga. Hak isteri adalah tanggung jawab suami dan hak suami adalah tanggung jawab isteri. Segalanya perlu dilaksanakan seiring dan perlu dijaga dengan sebaiknya (Zaini Yusnita. 2014). Kebahagiaan, keharmonian dan kesejahteraan keluarga banyak bergantung kepada peranan suami dan isteri. Konflik akan berlaku dalam perkahwinan sekiranya hak-hak dan tanggung jawab tersebut tidak ditunaikan sebaiknya oleh suami atau isteri. Pengabaian hak dan tanggung jawab dalam rumah tangga akan memberi kesan bukan sahaja kepada hubungan dan emosi suami isteri, malahan melibatkan anak-anak dan institusi kekeluargaan. Ia disokong pernyataan A. Hariri dan Raihanah Azahari (2014) bahawa perkahwinan yang bermasalah secara tidak langsung akan memberi kesan negatif kepada pasangan, anak-anak dan komuniti.

Sesungguhnya, tiada perkahwinan yang sunyi daripada mengalami pergolakan atau krisis. Samada kecil atau besar sesuatu konflik yang membawa kepada krisis perkahwinan, semua itu memerlukan penyelesaian untuk memulihkan keadaan. Terdapat terlalu banyak punca yang membawa kepada konflik perkahwinan samada



dari pihak isteri, suami atau pihak ketiga seperti keluarga, kawan-kawan, bekas kekasih atau tunang, klien dan majikan. Selain itu pengaruh teknologi seperti gajet dan media sosial turut menjadi punca konflik suami isteri. Tingkah laku diri sendiri atau pasangan juga boleh menimbulkan krisis dalam perkahwinan (Portal MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia, 2019). Kebanyakan punca ini ada kaitan dengan masalah ekonomi, masalah sosial dan kurang penghayatan agama dalam kalangan suami isteri tersebut.

Konflik di antara suami isteri boleh dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu *nusyuz*, *shiqaaq* dan *darar* (Mohd Taib Arifin, 2006). *Nusyuz* dari segi bahasa bermaksud derhaka. Isteri yang *nusyuz* ialah isteri yang menderhakai suaminya dalam perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT dan suami yang *nusyuz* pula ialah suami yang menzalimi atau menganiaya isterinya (Haliza A. Shukor, 2012). *Shiqaaq* pula menurut istilah fiqh adalah perbalahan antara suami isteri. Islam menganjurkan supaya dilantik dua orang wakil yang menjadi orang perantaraan yang berpengaruh dan boleh menyelesaikan masalah mereka (Salleh Ismail, 2003). Menurut seksyen 48 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003, *shiqaaq* bermaksud perselisihan atau perkelahian berterusan antara pihak-pihak kepada suatu perkahwinan dan memerlukan kuasa penimbang tara atau hakam untuk menyelesaikan perselisihan tersebut. Manakala *darar* pula ialah penganiayaan suami terhadap isteri dalam keadaan isterinya sentiasa taat dan patuh kepada suaminya (Mohd Taib Arifin, 2006). Justeru itu, apabila ketiga-tiga bentuk konflik ini berlaku dalam hubungan suami isteri, ia akan menjejaskan keharmonian dan kestabilan perkahwinan tersebut.

Hasil kajian yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan menunjukkan tanda-tanda konflik mula berlaku dalam perkahwinan apabila hubungan suami isteri menjadi kurang mesra dan hambar, hilang ketenangan hidup, mengabaikan tanggungjawab, timbul prasangka antara satu sama lain, kurang berkomunikasi dan tidak telus serta gagal berterus terang di antara suami isteri (Portal MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia, 2019). Akibatnya, suami atau isteri mula mengalami tekanan perasaan, hubungan menjadi tidak mesra, pengabaian tanggungjawab, pertengkaran dan penganiayaan sehingga menyebabkan berlaku kecurangan dan akhirnya perceraian.

Seterusnya, konflik dalam perkahwinan akan meninggalkan kesan mendalam terhadap kesihatan serta kesejahteraan pasangan dari sudut psikologi. Penganiayaan yang berlaku boleh menyebabkan kemurungan dalam institusi keluarga bukan sahaja melibatkan ibu bapa tetapi juga anak-anak. Apabila ibu atau bapa menderita disebabkan kemurungan kerana penganiayaan dari segi emosi atau fizikal yang kerap berlaku, ia akan mengakibatkan gejala-gejala yang negatif terhadap anak-anak dan kalangan ahli keluarga yang lain. Kemuncak kepada kemurungan yang terhasil oleh peningkatan konflik perkahwinan adalah terjejasnya hubungan di antara ibu bapa dengan anak sekaligus mempengaruhi perkembangan fizikal dan psikologi anak-anak mereka (Shamsiah, 2015).



DARAR SUAMI TERHADAP ISTERI DALAM PERKAHWINAN

Kebahagiaan sesebuah perkahwinan banyak bergantung kepada tanggung jawab pasangan suami isteri. Sekiranya berlaku pengabaian tanggung jawab dalam pelbagai bentuk seperti fizikal, mental dan ekonomi, maka akan berlaku mudarat atau *darar* dalam perkahwinan. *Darar* secara literal bermaksud sebagai "lawan kepada sebarang perkara yang bermanfaat" (Kamus Dewan, 2007). Manakala, Ibn Manzur (1994) memberi makna *darar* sebagai "kesempitan". Al-Shatibi (1991) pula mendefinisikan *darar* sebagai penganiayaan suami terhadap isteri dalam bentuk yang boleh mengancam nyawa, keturunan, harta benda dan akal isteri. Lebih jelas lagi, *darar* ialah penganiayaan suami terhadap isteri yang melibatkan lima perkara asas yang wajib dijaga dalam Islam iaitu masalah *daruriyyah* dalam aspek agama, nyawa, keturunan, harta benda dan termasuklah akal isteri. Oleh itu, penganiayaan yang berlaku terhadap isteri oleh suami dalam sebarang bentuk sama ada fizikal atau emosi merupakan *darar* terhadap isteri.

Manakala dalam konteks undang-undang pula, Raihanah Abdullah (1997) menyatakan semua perbuatan yang boleh menimbulkan kemudaratan kepada rumah tangga terutamanya isteri sebagai mangsa akan membawa maksud *darar*. Seksyen 2 Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 memperuntukkan *darar syarie* ialah bahaya yang menyentuh isteri mengenai agama, nyawa, tubuh badan, akal fikiran, maruah atau harta benda mengikut kebiasaan yang diakui oleh hukum syarak. Perbuatan suami yang memukul isteri, mengabaikan nafkah atau tidak memberi nafkah langsung, melayan isteri dengan buruk malah melacurkan isteri adalah antara contoh-contoh perbuatan *darar syarie*. Justeru, isteri yang mengalami *darar syarie* wajar diberi hak dan perlindungan menurut syarak dan undang-undang.

Dalam kebanyakan kes rumah tangga, penderaan atau *darar* terhadap isteri boleh berlaku melalui perbuatan keganasan terhadap isteri oleh suami dengan menggunakan kekerasan fizikal sama ada dengan cara menampar, memukul, menumbuk dan menendang mana-mana bahagian tubuh, membaling objek dan lain-lain lagi. Ia juga boleh tercetus melalui perkataan atau tingkah laku secara emosi. Menurut Daleleer Kaur Randawar & Sheela Jayabalan (2018), keganasan rumah tangga ditakrifkan sebagai penderaan antara pasangan suami isteri yang tinggal bersama dalam bentuk fizikal, seksual, psikologi, ekonomi, atau penyalahgunaan lisan sehingga menyebabkan individu yang terlibat berada dalam ketakutan. Siti Shamsiah (2015) dalam kajiannya menyatakan penderaan oleh suami terhadap isteri atau sebaliknya boleh dikategorikan kepada dua bentuk iaitu; 1) penderaan fizikal dan 2) penderaan emosi atau mental.

Penderaan Fizikal

Penderaan fizikal merupakan penderaan yang biasa berlaku dalam perkahwinan. Kebiasaannya ia melibatkan perbuatan mendera dan menganiaya secara fizikal terhadap isteri. Penderaan terhadap isteri berlaku apabila seorang suami



menggunakan kekerasan fizikal terhadap isteri dengan cara menampar, memukul, menumbuk, dan menendang pada mana-mana bahagian tubuh sehingga menyebabkan tubuh badan isteri cedera, lebam, berdarah, patah tulang atau mengalami pendarahan dalaman. Terdapat kes mangsa meninggal dunia akibat perbuatan suami (Jal Zabdi, 2006). Perlakuan penderaan fizikal ini biasanya bermula dengan perbuatan kecil seperti menampar, membaling objek dan sebagainya. Perbuatan ini kemudiannya akan berterusan sehingga isteri didera dengan serius sehingga menyebabkan isteri berada dalam keadaan trauma dan ketakutan. Selain itu, perbuatan menghalang keperluan manusia seperti makan, minum, tidur dan tempat perlindungan juga merupakan salah satu bentuk penderaan fizikal (Maizatul Akmam, 2008). Tindakan suami yang mengabaikan nafkah atau tidak menyediakan kediaman yang sesuai untuk isteri juga adalah antara bentuk penderaan fizikal.

Kesan daripada penderaan fizikal ini bukan sahaja memberi kesakitan dan kecederaan tubuh badan tetapi melibatkan trauma dari segi emosi dan mental isteri. Dalam kebanyakan kes penderaan, isteri sentiasa hidup dalam ketakutan dan hilang kepercayaan kepada suami sehingga menyebabkan isteri berhasrat untuk keluar daripada perkahwinan tersebut. Banyak kes berlaku di Malaysia melibatkan keganasan fizikal dalam rumah tangga. Keganasan rumahtangga mencakupi beberapa elemen iaitu perbuatan sengaja meletakkan mangsa dalam ketakutan, mencederakan secara fizikal, memaksa atau mengancam melakukan perbuatan seksual, mengurung atau menahan tanpa kerelaan dan perbuatan khianat serta merosakkan harta dengan niat menyebabkan kesedihan (Roos Niza Mohd Shariff, 16 Ogos 2018.)

Oleh itu, mangsa keganasan rumah tangga secara fizikal boleh mengambil tindakan sama ada melalui Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah menurut undang-undang yang berkaitan. Tindakan boleh dibuat di Mahkamah Sivil melalui peruntukan di dalam Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) dan Kanun Keseksaan (Akta 302). Manakala isteri yang beragama Islam mempunyai hak untuk membubarkan perkahwinan secara fasakh atau pengesahan taklik di Mahkamah Syariah atas alasan penderaan fizikal ini. Tujuan pembubaran adalah untuk menghapuskan kemudaratan tersebut dan ia menunjukkan satu keadaan dalam perkahwinan yang sudah tidak boleh dipulihkan lagi sehingga memerlukan kepada pembubaran perkahwinan (Najibah Mohd Zin, 2007). Isteri perlu mengemukakan bukti yang jelas menunjukkan wujudnya penderaan dan penganiayaan fizikal tersebut.

Peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia memperuntukkan alasan penganiayaan fizikal atau "lazim menyakiti" bagi membolehkan pembubaran perkahwinan di buat secara fasakh. Contohnya dalam seksyen 52(i)(h) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan isteri berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau fasakh sekiranya suaminya menganiayanya atas alasan antara lainnya adalah (i) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya. Berdasarkan amalan fasakh yang diguna pakai, perkataan "lazim menyakiti" memerlukan beban pembuktian yang kuat untuk membuktikan sejauh mana



penganiayaan, kecederaan atau kemudaratan yang berlaku ke atas isteri atau suami sehingga menyebabkan salah satu pihak menderita (Abu Naim Ikhsan, 2006). Walau bagaimanapun dalam kes *Hairun lwn. Omar* (1991) 8 JH 289, telah diputuskan bahawa lazim menyakiti tidak semestinya melibatkan pukulan berulang kali tetapi pukulan secara fizikal yang mencukupi untuk mendatangkan kesakitan dan kemudaratan walaupun sekali juga membolehkan fasakh disabitkan.

Dalam kes yang lain iaitu *Rakhmas bt. Yunus lwn. Mohd Adnan b. Ngah* (1998) Jurnal Syariah Jil 6 109, Mahkamah Syariah telah membenarkan tuntutan fasakh Plaintiff kerana terdapat bukti yang jelas dari segi ikrar, laporan polis dan perakuan doktor bahawa Defendan telah memukul Plaintiff sehingga dimasukkan ke hospital. Pukulan Defendan itu menyebabkan Plaintiff mengalami kecederaan pada bahagian telinga dan lehernya. Plaintiff juga mengalami lebam pada matanya sebelah kanan dan pecah gegendang telinga sebelah kirinya. Oleh itu, sebagai usaha untuk membendung kemudaratan berterusan terhadap Plaintiff, maka Mahkamah Syariah memberikan penyelesaiannya melalui fasakh.

Selain itu, mangsa keganasan rumah tangga ini juga boleh mendapatkan perintah injunksi terhadap pasangan daripada terus melakukan penderaan daripada Mahkamah Syariah. Perintah injunksi dalam Kamus Istilah Undang-undang Keluarga Islam (2002) bermaksud perintah tegahan yang diberi atas budi bicara Mahkamah. Ia melibatkan perintah menegah mana-mana pihak yang dikhuatiri akan melakukan kezaliman atau penderaan terhadap pihak yang satu lagi berteraskan kepada *maqasid syariah* iaitu prinsip menjaga nyawa individu. Seksyen 107, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan perintah injunksi terhadap gangguan iaitu (1) Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa dalam masa perbicaraan hal ehwal suami isteri masih belum selesai atau pada atau selepas pemberian sesuatu perintah perceraian, fasakh, atau pembatalan, memerintahkan seseorang menahan dirinya daripada mengganggu atau mencerooboh; dengan apa-apa cara pun ke atas suami atau isteri atau bekas suami atau bekas isterinya. (2) Kemungkinan mematuhi sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh dikenakan hukuman sebagai suatu penghinaan terhadap Mahkamah.

Oleh itu, dalam kes-kes melibatkan penderaan secara fizikal terhadap isteri, usaha menyelamatkan diri perlu dilakukan oleh isteri sebagai mangsa dera. Isteri sepatutnya membuat aduan di balai polis berhampiran dengan kadar segera terhadap penderaan yang dilakukan. Seterusnya mendapatkan rawatan di hospital serta mendapatkan laporan perubatan. Setiap gambar atau laporan kecederaan yang menunjukkan tanda keganasan, penderaan atau kezaliman perlu disimpan sebagai bukti untuk tindakan sama ada di Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah. Isteri tidak sepatutnya berdiam diri dan menyembunyikan perbuatan suami bagi mengelakkan kesan trauma yang lebih buruk terhadap mental dan emosi isteri serta anak-anak.



Penderaan Emosi

Secara umumnya, penderaan emosi atau mental difahami sebagai sebarang bentuk perilaku yang melibatkan kejadian seperti pengasingan atau pemulauan dan penyisihan ke atas mana-mana individu secara sengaja dan sedar, strategik dan terancang, berlaku serangan secara lisan yang berterusan, sebarang penghinaan dan intimidasi atau apa-apa perilaku lain yang boleh mendatangkan perasaan kerendahan moral dan kehilangan maruah keperibadian dan identiti, serta harga diri pada individu tertentu atau sesiapa sahaja (Khairul Azhar. 12 Februari 2018).

Penderaan emosi ini juga dikenali sebagai penderaan psikologikal atau sering diungkap bagi menggambarkan pembulian emosi. Seringkali juga ia dinyatakan sebagai penderaan lisan yang dilakukan secara agresif dan melampau. Secara ketara, penderaan emosi boleh berlaku akibat daripada perbuatan seperti mengejek dengan nama panggilan yang tidak elok, menghina keperibadian dan maruah, mendatangkan ancaman, kritikan menghina secara keterlaluan, sindiran yang mengaibkan, ungkapan kasar dan kata-kata yang menyakitkan, meletakkan tuduhan palsu dan pembulian emosi serta lain-lain yang akan mendatangkan kecederaan emosi dan kehilangan identiti moral. Ia juga melibatkan tindakan suami yang bertujuan menyakiti isterinya sama ada menerusi kata-katanya atau perbuatannya yang menyentuh kehormatan diri isteri (Mat Saad Abdul Rahman, 2006).

Penderaan emosi dalam perkahwinan membabitkan perbuatan suami terhadap isterinya dari segi penyeksan batin, pengabaian, memperkecil kebolehan isteri, memaki hamun dan tidak menyediakan keperluan rumah tangga dengan secukupnya. Menurut Jal Zabdi (2006), penderaan emosi juga bermaksud suami memberikan layanan psikologi yang tidak sepatutnya terhadap isteri dengan cara mengawal pemikiran mereka atau *brainwashing* atau menggunakan strategi berbentuk manipulasi. Terdapat juga keadaan seorang suami mendera isterinya dengan cara memprovokasikan perasaan takut atau mewujudkan perasaan bersalah, menyalahkan diri sendiri, terlalu bergantung atau *learned helplessness*. Tindakan oleh salah seorang daripada pasangan untuk mengawal kelakuan pasangannya boleh menyebabkan keyakinan diri pasangannya menjadi rendah dan wujud perasaan *learned helplessness*.

Kebanyakan kes penderaan emosi melibatkan gangguan mental, gangguan psikologi atau gangguan psikiatrik. Ia adalah satu bentuk tingkah laku atau perubahan mental yang boleh menyebabkan rasa derita atau daya yang lemah untuk berperanan seperti manusia yang normal dalam kehidupan biasa. Kebiasaannya ia merujuk kepada gabungan bagaimana perasaan yang dialami seseorang, tindakannya, pemikirannya atau bagaimana ia membentuk persepsi. Gangguan mental biasanya merangkumi kemurungan (*depression*), *demensia* dan *schizophrenia* (Siti Shamsiah, 2015).

Selain itu, penderaan emosi terhadap isteri juga boleh berlaku tanpa disedari seperti seorang suami yang meninggalkan isteri tanpa alasan yang munasabah atau lebih



dikenali dengan perkataan gantung tidak bertali. Meninggal langsung isteri atau dahulunya disebut gantung tidak bertali adalah suatu penganiayaan atau penderaan terhadap isteri. Penderaan emosi berlaku apabila isteri yang ditinggalkan suami keseorangan terpaksa menanggung anak-anak, perasaan tertekan oleh kerana kepenatan mencari wang dan menguruskan anak-anak boleh memberi kesan terhadap emosi isteri (Utusan Malaysia, 2014).

Dalam konteks undang-undang, penganiayaan dalam bentuk emosi atau mental juga termasuklah menyakiti hati isteri atau suami sama ada dari segi perkataan atau perbuatan seperti menghina, mengeji atau menggunakan bahasa yang kesat boleh menyebabkan isteri atau suami sakit hati, tersinggung dan sebagainya. Enggan bercakap dengan isteri, membelakangkan isteri, memalingkan muka semasa di katil, mengutamakan layanan kepada perempuan lain dari isteri juga boleh menimbulkan rasa tidak tenang pada salah satu pihak (Abu Naim Ikhsan, 2006).

Ini bertepatan dengan tafsiran penganiayaan atau *darar* dalam kes *Hairun lwn. Omar* (1991) 8 JH 289 mengenai tuntutan fasakh atas alasan suami lazim menyakiti isterinya. Jawatankuasa Rayuan dalam kes tersebut telah memberi tafsiran yang lebih luas terhadap maksud penganiayaan atau *darar* yang mana ia bukan hanya terhad kepada penganiayaan fizikal atau tubuh badan, malahan lebih luas termasuk enggan bercakap dengan isteri, membelakangkan isteri atau memalingkan muka daripadanya semasa di katil, mengutamakan atau memberi layanan kepada perempuan lain daripada isteri, memukul dengan pukulan yang menyakiti dan seterusnya tidaklah disyaratkan pukulan itu dilakukan berulang kali dan lazim (Najibah Mohd Zin, 2007).

Ternyata, penderaan emosi adalah berbeza dengan penderaan fizikal. Ini kerana kesan tekanan mental tidak dapat dilihat secara mata kasar. Ia meninggalkan kesan yang mendalam dan berpanjangan terhadap emosi, perasaan dan hidup isteri tersebut. Data daripada Unit Rundingcara Keluarga Jabatan Agama Islam Selangor menunjukkan bahawa punca-punca berlakunya krisis rumah tangga antaranya adalah disebabkan masalah psikologi dan penderaan mental terhadap isteri sehingga menyebabkan wujudnya perasaan tidak puas hati dalam kalangan pasangan dan menjejaskan kerukunan rumah tangga (Zanariah et al., 2018).

KESAN DARAR EMOSI DALAM PERKAHWINAN

Secara umumnya, penderaan fizikal lebih menjadi tumpuan masyarakat dan dilaporkan di media massa berbanding *darar* atau penderaan emosi. Ini kerana penderaan fizikal lebih mudah dikesan dan boleh kelihatan dengan pelbagai tanda seperti luka, pendarahan, lebam dan patah anggota serta lain-lain kecederaan fizikal. Malah, apabila kes dilaporkan ke Mahkamah, ia lebih mudah dibuktikan melalui kesan yang ditinggalkan hasil penderaan serta disokong oleh laporan perubatan doktor. (Khairul Azhar, 12 Februari 2018).



Namun, keadaan ini tidak berlaku dalam kebanyakan kes melibatkan penderaan emosi, menyebabkan ia amat sukar untuk dikenal pasti dan diadili. Ini kerana penderaan emosi itu bukan sahaja tidak kelihatan pada pandangan mata kasar tetapi juga tidak memberi sebarang impak dan kesan secara jelas jika dibandingkan dengan penderaan fizikal. Penderaan kategori ini memang sukar dikesan secara zahir kerana tidak berlaku kecederaan fizikal. Sedangkan penderaan emosi meninggalkan kesan lebih mendalam, berpanjangan dan membahayakan mangsa. Penderaan emosi akan berlaku dengan pelbagai tanda, antaranya mangsa akan berasa takut dan cemas, rendah diri akibat hilang maruah dan harga diri serta pelbagai simptom trauma lain yang menyentuh isu kesihatan sehingga akhirnya menjejaskan kesejahteraan mental dan emosi serta fizikal mangsa sendiri. Ada antaranya meninggalkan trauma sepanjang hayat sehingga membawa kepada sakit mental (Rodly Fadly, 17 Ogos 2016).

Walau apapun keadaannya, *darar* secara emosi oleh suami terhadap isterinya tidak boleh dipandang ringan. Ia boleh menimbulkan kesan dan trauma bukan sahaja kepada isteri tetapi kepada keseluruhan institusi keluarga tersebut. Apabila berlakunya *darar* dari segi emosi dalam sebuah perkahwinan, ia akan memberi impak yang sangat besar terhadap anak-anak dalam perkahwinan. Terdapat juga mangsa mengalami kemurungan melampau akibat didera secara emosi sehingga mendorong untuk melakukan sesuatu di luar pemikiran seperti mencederakan diri sendiri, mencederakan anak malah ada yang terfikir untuk membunuh diri (Rodly Fadly, 17 Ogos 2016).

Kesan buruk *darar* emosi terhadap isteri dalam perkahwinan bukan sahaja disebabkan oleh penderaan emosi itu sendiri malah penderaan fizikal yang sering kali berlaku atau teruk berlaku sehingga menyebabkan emosi dan mental isteri terganggu. Seterusnya ia akan memberikan kesan dan pengaruh yang besar dalam kehidupan seharian. Keadaan isteri itu turut mempengaruhi anak-anak dan seisi keluarga sekiranya tidak ditangani dengan cara yang sesuai dan berkesan. Sesungguhnya, penderaan emosi ini lebih bahaya daripada penderaan fizikal jika tidak ditangani lebih awal. Ini dibuktikan dalam kes *Sharimah bt. Muhammad lwn. Ahmad Burhanuddin bin Abdullah* (2007) JH 23/2 263, isteri dalam kes tersebut telah mengalami tekanan emosi dan mental yang berat sehingga memerlukan rawatan pakar akibat perbuatan curang suaminya.

CADANGAN PENYELESAIAN DARAR EMOSI MENURUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Darar yang berlaku dalam perkahwinan terhadap isteri sama ada secara fizikal mahupun emosi boleh menyebabkan kesan yang tidak baik kepada seluruh ahli keluarga dan masyarakat sekiranya tidak dibendung daripada awal. Seluruh ahli keluarga perlu membantu isteri atau ibu yang mengalami tekanan mental dengan kaedah atau cara yang paling sesuai dan berkesan bagi mengelakkan risiko yang lebih teruk. Justeru itu, beberapa cadangan penyelesaian dikemukakan bagi membantu menangani masalah tekanan emosi dalam kalangan isteri menurut undang-undang di Malaysia.



Mendapatkan Nasihat Pakar

Isteri yang mengalami penderaan emosi boleh mendapatkan khidmat nasihat atau rundingan bersama pakar perunding yang berkemahiran dalam ilmu psikologi, perkahwinan dan kekeluargaan. Mereka boleh merujuk permasalahan yang dialami di Unit Psikiatri hospital berhampiran mereka atau berjumpa Pegawai Kaunseling atau berjumpa Pegawai Perunding Cara di Unit Runding Cara Keluarga di jabatan agama Islam negeri-negeri di Malaysia. Khidmat rundingan ini boleh didapati sama ada secara bersendirian atau bersama suami masing-masing. Ia sangat penting bagi mendapatkan pandangan dan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi oleh isteri dalam perkahwinan.

Perkhidmatan runding cara di jabatan agama Islam dilaksanakan oleh pegawai kaunseling bagi membantu pasangan suami isteri yang mempunyai masalah rumah tangga (Mohamed Sharif Mustaffa, 2003). Walaupun ia tidak dimestikan bagi pasangan suami isteri yang menghadapi konflik rumah tangga, namun kaedah tersebut boleh menjadi satu inovasi kepada kaedah konvensional yang ada dalam memberikan nasihat, rundingan dan bimbingan menyeluruh merangkumi aspek fizikal, mental, spiritual dan rohani kepada mereka yang bermasalah (Nur Zulfah et al. 2018).

Oleh itu, selain mendapatkan rawatan dan penyelesaian masalah yang dihadapi, maklum balas dan laporan pemeriksaan oleh pakar ini sangat penting bagi membuktikan kewujudan tekanan atau penderaan emosi dan mental yang dihadapi oleh isteri dalam perkahwinan. Ia boleh dijadikan sebagai bahan bukti di Mahkamah sekiranya perlu kepada tindakan undang-undang.

Mendapatkan Perintah Perlindungan Interim dan Perintah Perlindungan

Mangsa keganasan rumah tangga boleh membuat aduan di mana-mana balai polis mengenai penderaan emosi dan psikologi yang dialami. Peruntukan ini terpakai sama ada kepada isteri yang muslim atau bukan muslim. Ini berikutan pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga pada 2012 yang memperluaskan takrif keganasan rumah tangga daripada hanya menekankan aspek penderaan berbentuk fizikal dan seksual kepada penderaan bukan fizikal iaitu psikologi dan emosi. Selain itu, isteri sebagai mangsa juga boleh memohon kepada mahkamah bagi mendapatkan Perintah Perlindungan Interim (IPO) menurut seksyen 4 dan Perintah Perlindungan (PO) dalam seksyen 5 Akta berkenaan jika merasakan diri mereka terancam atau tidak selamat dan dcederakan atau diugut. IPO dan PO boleh dipohon terus oleh mangsa kepada mahkamah atau melalui khidmat guaman atau pegawai penguat kuasa iaitu polis atau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Perintah ini akan menghalang pelaku untuk terus menggunakan apa-apa cara keganasan rumah tangga terhadap mangsa atau keluarga yang dilindungi.



Permohonan Cerai Talak Menurut Undang-undang Keluarga Islam

Sekiranya penyelesaian melalui rundingcara kekeluargaan dan konsultasi psikologi tidak berhasil dan konflik masih berpanjangan di antara suami isteri sehingga menimbulkan kemudaratan, isteri boleh menggunakan haknya dari segi undang-undang. Isteri mempunyai hak untuk mengemukakan permohonan perceraian secara talak dengan syarat mendapat persetujuan daripada kedua pihak suami dan isteri. Bentuk perceraian ini adalah berdasarkan peruntukan dalam seksyen 47 enakmen undang-undang keluarga Islam di negeri-negeri di Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam kes permohonan cerai di bawah seksyen 47, suami perlu memberi persetujuan untuk bercerai sebelum dibenarkan oleh hakim syarie untuk menjatuhkan talak kepada isterinya. Namun masalah yang timbul dalam kes-kes yang melibatkan penderaan sama ada fizikal atau emosi, kebiasaannya suami enggan menceraikan isterinya secara baik di Mahkamah Syariah. Sekiranya berlaku keengganan di pihak suami, mahkamah boleh melantik Jawatankuasa Perdamaian atau Hakam seperti yang diperuntukkan di dalam seksyen 47(5) dan seksyen 48 bagi mencari jalan penyelesaian antara mereka dan ia akan mengambil masa yang lebih lama.

Dalam kes *Sharimah bt. Muhamad lwn. Ahmad Burhanuddin bin Abdullah* (2007) JH 23/2 263, perayu telah mengemukakan permohonan untuk bercerai ke atas suaminya mengikut peruntukan seksyen 47(5) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002 atas sebab-sebab antaranya melibatkan tekanan mental dan emosi yang dihadapinya kesan kecurangan suaminya sehingga menyebabkan syiqaaq atau perbalahan berpanjangan (*asyaddu syiqaaq*). Mahkamah Tinggi Syariah telah membuat keputusan melantik Jawatankuasa Perdamaian dan perayu mengemukakan rayuan tidak puas hati atas keputusan tersebut. Rayuan Perayu diterima oleh Mahkamah Rayuan Syariah dan memerintahkan supaya mahkamah melantik mengikut hukum syarak dua orang penimbangtara atau hakam bagi pihak suami dan isteri yang berkenaan mengikut seksyen 48 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2002.

Tuntutan Pembubaran Perkahwinan Secara Fasakh

Isteri yang menghadapi tekanan emosi dan tidak mahu meneruskan perkahwinan tersebut boleh mengemukakan tuntutan fasakh dengan menggunakan satu alasan tunggal mengenai tekanan yang dihadapinya ataupun kombinasi alasan-alasan lain yang dibenarkan dalam peruntukan fasakh. Contohnya di Selangor, isteri tersebut boleh menggunakan alasan di bawah seksyen 53 (1)(h) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003 (EUKIS 2003) merujuk kepada alasan suami menganiaya isteri dengan cara lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya. Peruntukan seksyen ini adalah relevan dengan maksud *darar syarie* yang telah disebutkan sebelum ini mengenai bahaya yang menyentuh isteri dari aspek agama, nyawa, akal fikiran, tubuh badan dan harta.

Perceraian secara fasakh melibatkan kuasa hakim syarie dan pembuktian yang sangat ketat. Sekiranya berlaku penganiayaan dan penderaan terhadap isteri sama ada

secara fizikal atau emosi, isteri berhak untuk membubarkan perkahwinan secara fasakh sekiranya permohonan perceraian secara talak tidak dipersetujui oleh suami. Ini kerana dalam Islam, isteri yang mengalami *darar syarie* tidak boleh dipaksa untuk berterusan hidup dengan suaminya dalam satu perkahwinan yang boleh mendatangkan bahaya ke atas dirinya sendiri (Raihanah Abdullah, 1997). Walau bagaimanapun, isteri perlu mengemukakan kepada mahkamah pembuktian yang jelas mengenai *darar* yang berlaku.

Dalam kajian terhadap kes-kes fasakh yang melibatkan penderaan emosi, antara alasan yang dikemukakan oleh pihak yang menuntut iaitu isteri adalah berlaku perbuatan lazim menyakiti secara fizikal dan emosi. Dalam kes *Ali bin Hashim lwn Aminah bt Raub* (Kes Mal Bil : 10005-014-0189-2018 Mahkamah Syariah Hulu Langat), isteri telah memohon kepada mahkamah untuk mensabitkan tuntutan fasakh beliau dengan memberi alasan seperti berikut iaitu :

- i. Gagal menunaikan tanggungjawab memberi nafkah zahir (kena tanggung sendiri makan dan minum serta keperluan sendiri dan anak-anak sejak 2014.
- ii. Gagal memberikan nafkah batin sejak 2011 dan meninggalkan tanggungjawab memberi perlindungan keselamatan.
- iii. Menuduh isteri berzina tanpa bukti yang kukuh.
- iv. Menghasut anak-anak yang menyebabkan beliau berasa tertekan mental dan emosi terhadap akibat perkara yang berlaku.

Dalam kes yang lain iaitu *Zubaidah bt Ali lwn Harun bin Hamid* (Kes Mal Bil 10005-014-1203-2017, Mahkamah Syariah Hulu Langat) pihak isteri dalam tuntutan fasakhnya telah menyatakan alasan-alasan seperti berikut iaitu:

- i. Tidak memberi nafkah dengan betul dan semasa saya dalam pantang, dia tidak memberi nafkah saya dan anak-anak selama 2 tahun.
- ii. Tiada kerja yang tetap dan tidak sediakan tempat tinggal yang sempurna dan jarang sekali menjenguk keluarga.
- iii. Selalu dipukul hingga teruk sampai menampakkan kesan lebam, kurang beri kasih sayang kepada keluarga.

Berdasarkan kes-kes tersebut, jelas bahawa pihak isteri telah menggunakan alasan menganiayai dengan memberikan contoh perbuatan atau perlakuan suami terhadap mereka yang boleh dianggap sebagai bertepatan dengan peruntukan lazim menyakiti dan melakukan perbuatan aniaya yang disebut dalam Seksyen 53 (1)(h) EUKIS 2003. Walau pun perbuatan tersebut secara fizikal, tetapi terdapat kesan terhadap emosi dan mental isteri berhadapan dengan sikap dan tindakan suami sehingga memberi kesan kepada kehidupan isteri. Perbuatan menuduh isteri tanpa bukti, menghasut dan memaki isteri juga adalah antara perlakuan yang boleh menimbulkan *darar* emosi terhadap isteri. Walau bagaimanapun, penghakiman hakim dalam kedua-dua kes tersebut lebih merujuk kepada perbuatan fizikal suami seperti tidak memberi nafkah, meninggalkan isteri dan memukul isteri.



MASALAH PEMBUKTIAN DARAR EMOSI

Secara amnya, undang-undang di Malaysia telah memberikan jaminan perlindungan dalam menyelesaikan masalah tekanan emosi yang dihadapi oleh isteri dalam perkahwinan. Namun, perlu diingat bahawa penyelesaian tersebut tidaklah semudah yang disangka seperti penyelesaian bagi kes-kes penderaan fizikal. Ini kerana *darar* atau tekanan emosi tidak nampak secara zahir dan adakalanya ia melibatkan tempoh masa yang panjang sebelum memberi kesan mudarat kepada isteri.

Terdapat kes melibatkan *darar* emosi yang tidak dapat dibuktikan di Mahkamah Syariah kerana tidak cukup bukti untuk dikaitkan dengan *darar* tersebut. Ini kerana isteri gagal mengemukakan pembuktian atau saksi yang mencukupi untuk menunjukkan tekanan emosi yang dihadapi. Contohnya dalam kes rayuan, *Nor Azroha Azizan lwn. Mohamad Faizal Nor* (2015) JH 42/2 259, Mahkamah menyatakan bahawa perbuatan-
perbuatan Responden belum mencukupi untuk membuktikan bahawa Responden telah menyakiti Perayu secara mental.

Oleh itu, isteri yang berhadapan dengan *darar* emosi ini perlu mengemukakan beban pembuktian yang kuat dan jelas mengenai “kecederaan emosi” yang dialami terutamanya apabila melibatkan tuntutan fasakh melalui *bayyinah* dan *qarinah*. Ia penting bagi membuktikan kewujudan *darar syarie* yang boleh dijadikan alasan kukuh untuk membubarkan perkahwinan dengan perintah mahkamah secara fasakh. Ini kerana mahkamah hanya akan membenarkan perintah fasakh sekiranya terbukti wujudnya sebab-sebab yang munasabah dikira sebagai *darar syarie* yang boleh membahayakan isteri sama ada dari aspek nyawa, akal, agama mahuoun harta. Sekiranya tidak, maka isteri perlu mengemukakan pembuktian secara fizikal seperti suami gagal memberi nafkah, suami meninggalkan isteri atau suami memukul isteri untuk mendapatkan pembubaran perkahwinan bagi melepaskan diri daripada mudarat yang dihadapi dalam perkahwinan.

Ini dikukuhkan dalam kes *Nor Azroha Azizan lwn. Mohamad Faizal Nor* (2015) JH 42/2 259, Mahkamah berpandangan bahawa dalam membuktikan sesuatu perbuatan dan tindakan itu boleh memberi kesan kepada mental Perayu seharusnya Perayu mendapatkan keterangan pakar untuk membuktikan bahawa tindakan-tindakan Responden sememangnya menyakiti Perayu secara mental ataupun mengganggu emosi Perayu yang boleh menyebabkan Perayu teraniaya dengan tindakan Responden dalam kes tersebut. Oleh itu, keterangan pakar seperti psikiatri dan pegawai kaunseling adalah sangat penting untuk membuktikan sejauh mana perbuatan dan tindakan suami memberi kesan terhadap emosi dan mental isteri.

Selain itu, pendekatan Jawatankuasa Rayuan dalam kes *Hairun lwn. Omar* (1991) 8 JH 289 perlu diambil kira dalam mentafsirkan istilah aniaya atau *darar* bagi membolehkan fasakh. Jawatankuasa tersebut mentafsirkan bahawa penganiayaan atau *darar* tidaklah disyaratkan terhadap tubuh badan sahaja, malahan lebih luas dari itu termasuk penganiayaan dalam bentuk emosi seperti enggan bercakap dengan isteri, membelakangkan isteri atau memalingkan muka dari isteri semasa di katil, memberi layanan kepada perempuan lain selain isteri dan lain-lain lagi.

KESIMPULAN

Artikel ini merumuskan *darar* emosi atau tekanan mental yang dihadapi oleh isteri dalam perkahwinan adalah isu yang tidak boleh dipandang ringan. Ia boleh menjadi barah yang akan memberi kesan mudarat berpanjangan sekiranya tidak dicegah dan dirawat. Undang-undang di Malaysia telah memperuntukkan jaminan perlindungan dan penyelesaian bukan sahaja bagi isteri yang mengalami penderaan fizikal malahan penderaan yang melibatkan emosi atau mental isteri. Isteri yang berhadapan dengan *darar* emosi mempunyai hak untuk membuat tindakan menurut undang-undang bagi mengelakkan perkara yang lebih buruk berlaku terhadap diri mereka sendiri dan orang lain terutamanya anak-anak. Walau pun ia agak sukar terutamanya dari segi beban pembuktian, tetapi isteri boleh mengambil langkah yang perlu dan sesuai dengan permasalahan yang dihadapi. Penyelesaian boleh dibuat dengan pelbagai cara sama ada dengan cara mendapatkan nasihat perunding cara kekeluargaan, mendapatkan laporan perubahan daripada pakar psikiatri, mendapatkan perintah perlindungan atau perintah injunksi atau membuat tindakan undang-undang untuk membubarkan perkahwinan di Mahkamah Syariah. Semua pihak perlu mengambil peranan membantu para isteri yang berhadapan dengan *darar* emosi bagi mengelakkan mudarat yang lebih berpanjangan terhadap keseluruhan institusi keluarga tersebut.

RUJUKAN

- Abu Naim Hj. Ikhsan. 2006. Kaedah-kaedah Fasakh di Mahkamah Syariah. *Jurnal Hukum* Jil 21(1). 1-18
- Ahmad Harari dan Raihanah Azahari. 2014. Pengukuhan Institusi Keluarga Melalui Kawalan Terhadap Perceraian: Analisis Literatur. *Jurnal Fiqh*. No. 14. 175-194
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984
- Al-Syatibi. 1991. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Daleleer Kaur Randawar & Sheela Jayabalan. The Definition of Domestic Violence in Malaysia: A Cross-National Comparison *Akademika* 88(3), September 2018:77-89
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003
- Haliza A. Shukor et al. 2012. Krisis Rumah Tangga: Punca-punca Dan Cara Untuk Mengatasinya Menurut Perspektif Syariah Dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. *Kajian Syariah dan Undang-undang*. Siri 4. Vol. 4. 68-85
- Ibn Manzur. 1994. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. 2006. *Jenayah Keganasan Rumah Tangga*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.



- Kamus Dewan. 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Azhar. 12 Februari 2018. Penderaan emosi malapetaka senyap. Utusan Online. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/penderaan-emosi-malapetaka-senyap-1.607567>.
- Maizatul Akمام Binti Abdul Bakar. 2008. *Keganasan RumahTangga: Corak, Punca dan Kaedah Penyelesaian*. Johor. Penerbit UTM. Hlm 52
- Mat Saad Abdul Rahman. 2006. Fasakh. Abdul Monir Yaacob dan Siti Shamsiah Md.Supi (peny.). *Manual Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: IKIM
- Mohamed Sharif Mustaffa. 2003. Analisis Keperluan Kaunseling Terhadap Masalah Perceraian, Kajian Kes Kualitatif di Jabatan Agama Islam Johor. *Seminar Kebangsaan Kaunseling* (pp. 1,12-13). Kedah: Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Mohd Taib Arifin. 2006. Komunikasi Perkahwinan: Satu Kajian Persepsi di Kalangan Penduduk Jitra, Kedah. Abdul Rahim Abdul Rashid et al. (ed). *Krisis dan Konflik Institusi Keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors sdn. Bhd.
- Najibah Mohd Zin. 2007. Perceraian dalam Undang-undang Keluarga Islam. Najibah Mohd Zin (et al.). *Unddang-undang Keluarga (Islam)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nur Zulfah Abd. Salam, Zaini Yusnita Mat Jusoh, Hammad Mohd Dahlan, , Azizah Mohd Rapini, Zanariah Dimon. 2018. Peranan dan Pelaksanaan Unit Rundingcara Kekeluargaan: Kajian di JAIS. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa IRSYAD*. Bangi: Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam
- Portal MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia, 30 Januari 2019. Krisis Perkahwinan. <http://www.myhealth.gov.my/krisis-perkahwinan>.
- Raihanah Abdullah. 1997. Alasan Membubarkan Perkahwinan Melalui Fasakh. *Jurnal Syariah*. 5(1) 1997. 1-16 Islam Daerah Petaling, Selangor. *Jurnal Syariah*, 116-117,119-121, 123-12
- Raihanah Azahari. 2007. Permasalahan Rumahtangga : Kajian di Unit Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama 4, 126,128.
- Rodly Fadly. 17 Ogos 2016. Penderaan emosi lebih bahaya. <https://www.hmetro.com.my/node/159761>. Diakses pada 2 April 2019
- Roos Niza Mohd Shariff. 16 Ogos 2018. Keganasan Rumahtangga: Dapatkan Bantuan Sebelum Nayawa Jadi Taruhan. Utusan Online. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/keganasan-rumah-tangga-dapatkan-bantuan-sebelum-nyawa-jadi-taruhan-1.730556> Diakses pada 29 Januari 2019
- Salleh Ismail. 2003. *Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka



Siti Shamsiah Md Supi. 2015. *Tekanan Mental dalam Fasakh: Tinjauan Terhadap Amalan dan Prosedur di Malaysia*. Kuala Lumpur. UKMsyariah.org. 3 Okt. 2018

Siti Shamsiah Mohd Supi. 2013. Fasakh Melalui Tekanan Mental. *Utusan Online*. http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20131115/re_07/Fasakh-melalui-tekanan-mental. Diakses pada 15 November 2018

Utusan Malaysia. 2014. *Jenayah Aniaya Isteri*. http://utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20140226/ba_01/Jenayah-aniaya-isteri Diakses pada 29 Januari 2019.

Zaini Yusnita Mat Jusoh dan Zanariah Dimon. 2014. Undang-undang Menangani Orang Ketiga Dalam Rumah Tangga: Satu Sorotan dalam Undang-undang Jenayah Syariah Negeri Selangor dan Undang-undang Keluarga Sivil. *eProsiding International Research Management and Innovation Conference 2014*.

Zanariah Dimon et al. 2018. Faktor-Faktor Konflik Rumah Tangga: Kajian Di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor. *eProsiding IRSYAD 2018*